

**12/11/2012 - Ucapan Alu-Aluan Majlis Pelancaran 1Malaysia One Call Centre
(1MOCC)**

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN 1 MALAYSIA
ONE CALL CENTRE
(1MOCC)

12 NOVEMBER 2012 (ISNIN)

2.30 PETANG

BERTEMPAT DI
DEWAN SRI SIANTAN
PERBADANAN PUTRAJAYA

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin

Timbalan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal

Ketua Pengarah MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan Utama Persekutuan

Yang Berhormat, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Tan Sri – Tan Sri, Datuk Seri – Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya jua, kita semua dapat bersama-sama berada di dalam satu majlis yang begitu bermakna kepada Perkhidmatan Awam iaitu Pelancaran 1Malaysia One Call Centre atau 1MOCC, pada petang yang penuh berbahagia ini.

2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi untuk bersama-sama dengan kita semua bagi meraikan kejayaan bersejarah penghasilan sebuah inisiatif istimewa Kerajaan, khusus untuk seluruh rakyat Malaysia.

3. Saya percaya di sebalik kesibukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunaikan amanah rakyat, agenda besar menjulang rakyat di kedudukan tertinggi Perkhidmatan Awam menjadi faktor utama beliau untuk terus bersama kita semua pada hari ini.

4. Di kesempatan ini jua, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau MAMPU, Jabatan Perdana Menteri yang diterajui oleh Yang Berbahagia Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah

MAMPU di atas kejayaan melaksanakan sebuah lagi signature project sektor awam yang begitu signifikan dan bermanfaat kepada negara.

5. Saya percaya, gandingan dan kolaborasi mantap di antara 21 agensi kerajaan termasuklah agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, dan Kementerian Pengangkutan sebagai agensi perintis atau pilot agencies melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS), akan menjadikan pelaksanaan inisiatif bitara ini sebagai antara jambatan paling kukuh untuk menghubungkan rakyat dan Kerajaan.

6. Saya turut berkeyakinan, kerjasama erat antara jabatan dan kementerian yang turut disertai oleh rakan-rakan strategik Kerajaan daripada sektor korporat akan memastikan kejayaan inisiatif ini bukan sahaja menjadi benchmark kepada agensi swasta, malah turut menjadi penanda aras kepada sektor awam di negara-negara lain di dunia.

AGENDA BERWAWASAN, MERAKYATKAN PERKHIDMATAN

Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan hadirin sekalian,

7. Perdana Menteri yang kita kasihi telah menggagaskan slogan 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” sebagai mantra strategik memacu negara kita sebagai sebuah negara maju, berdaya saing dan gagah berdiri di pentas ketamadunan dunia mengikut acuan kita tersendiri. Sebagai penjawat awam, misi besar yang diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini memberi isyarat jelas bahawa setiap penjawat awam perlulah mengangkat kepentingan rakyat sebagai keutamaan tertinggi dalam pentadbiran negara.

8. Iltizam dan impian kita semua adalah untuk memberikan perkhidmatan terbaik melangkaui ekspektasi rakyat dan stakeholders ke arah kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia. Malah, bagi memperkukuhkan lagi usaha memperkasa jalinan antara rakyat dan kerajaan, para penjawat awam haruslah memastikan setiap perkhidmatan Kerajaan boleh dinikmati di setiap lapisan rakyat dengan penuh mesra dan profesional, cepat dan tepat, serta menghasilkan outcome yang berganda kepada kekayaan negara.

1MOCC : MERAKYATKAN KOMUNIKASI, MEMPERKUKUH KOLABORASI

Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan para hadirin yang dhormati,

9. Senada dengan agenda 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, pelancaran inisiatif 1Malaysia, One Call Centre oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar nanti akan menjadi detik bersejarah kepada Perkhidmatan Awam Negara. Buat julung-julung kalinya seluruh rakyat Malaysia boleh menikmati layanan mesra penjawat awam untuk mendapatkan maklumat melalui satu nombor iaitu 03-8000 8000.

10. Melalui inisiatif perdana ini juga, rakyat tidak perlu lagi bersusah payah untuk melalui pelbagai tapisan operator semata-mata untuk mendapatkan maklumat ringkas daripada Kerajaan. Hanya dengan mendaftarkan satu nombor sahaja, maklumat yang dikehendaki oleh pelanggan akan diberikan dengan cepat, efisien dan berintegriti. Saya percaya, pelaksanaan inisiatif ini secara langsung akan mengeratkan lagi hubungan antara 1.4 juta penjawat awam dengan seluruh rakyat Malaysia, dan sekaligus mencipta sebuah ekosistem yang harmoni di negara yang kita cintai ini.

11. Sementara kita meraikan kejayaan pelancaran inisiatif ini sebentar lagi, perkara yang lebih penting bagi para penjawat awam adalah memastikan perkhidmatan yang ditawarkan ini benar-benar mampu beroperasi seperti yang dihasratkan oleh stakeholders. Kita perlu memastikan agar tugas membina, mengumpul dan menyalurkan maklumat dan perkhidmatan yang akan diberikan kepada rakyat tidak hanya terletak pada Pegawai Khidmat Pelanggan yang bertugas semata-mata.

12. Malah, setiap penjawat awam, sama ada daripada kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional mahupun kumpulan sokongan bertanggungjawab bagi memastikan imej dan kewibawaan Perkhidmatan Awam negara sentiasa dipelihara dan dimartabatkan dalam hati dan sanubari rakyat Malaysia.

13. Berilah perkhidmatan dengan sepenuh jiwa dan raga kita kerana pada akhirnya, maju mundurnya Perkhidmatan Awam yang kita sayangi ini terletak di bahu kita semua para penjawat awam untuk menggalas dan menentukannya. The best gifts come from the heart, not only from the service given.

PENUTUP

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di atas kesudian beliau untuk melancarkan inisiatif 1Malaysia, One Call Centre pada petang yang penuh berbahagia ini.

15. Marilah sama-sama kita mendengar dan menghayati dengan teliti ucapan dan amanat yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar nanti.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih